

27 APR 2003

Ling-Abdullah

LIONG SIK SEDIA KERJASAMA DENGAN KEPIMPINAN ABDULLAH

PULAU PINANG, 27 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berjanji akan memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan negara Oktober ini.

Katanya, Abdullah adalah seorang pemimpin berjiwa Malaysia yang mengambil berat mengenai masalah semua kaum di negara ini.

"Semalam beliau menyelesaikan masalah kaum Iban (berhubung pengharaman kitab Injil "Bup Kudus"), hari ini beliau bersama-sama kaum Cina dan esok akan bersama-sama persatuan perniagaan Melayu," katanya ketika berucap pada majlis makan malam dan golf bagi Tabung Pembinaan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini, malam tadi. Abdullah yang juga Pemangku Perdana Menteri turut hadir di majlis itu.

Dr Ling berkata Abdullah sanggup bersama-sama bermain golf bagi mengutip derma untuk tabung itu sejak pagi hingga tengah hari dan menghadiri majlis makan malam itu.

Kesungguhan Abdullah itu menunjukkan beliau sememangnya memberi keutamaan kepada bidang pendidikan khususnya pendidikan tinggi bagi generasi muda masa kini dan akan datang.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, sebagai kenalan lama, beliau amat menghargai persahabatan yang ditunjukkan oleh Pemangku Perdana Menteri itu yang bersifat jujur dan sentiasa mengambil berat.

Sementara itu, Abdullah ketika berucap berkata, Presiden MCA itu membuktikan bahawa beliau (Dr Ling) merupakan seorang pemimpin Malaysia yang seimbang dan berwibawa kerana sentiasa memberikan pandangan yang bernas dan seimbang.

Abdullah berkata, beliau juga menghargai persahabatan yang mereka jalin dan amat gembira melihat kejayaan Dr Ling memimpin MCA bagi menjayakan penubuhan UTAR sebagai institusi pengajian tinggi yang melambangkan sokongan rakyat.

"MCA bukan sahaja parti politik yang mementingkan pelbagai perkara lain tetapi juga mementingkan bidang pendidikan di kalangan anak-anak," katanya.

Beliau berkata, kejayaan MCA mengutip derma bagi tabung itu menunjukkan masyarakat Malaysia sentiasa memberi sokongan dan keutamaan bagi bidang pendidikan.

Kejayaan negara ini merancang dan melaksanakan pembangunan dengan acuan sendiri adalah kerana semua pihak memberi keutamaan kepada pendidikan.

"Sekiranya kita bergantung kepada pakar dan pekerja asing, kita tidak boleh mengharap mereka untuk membangunkan negara seperti mana yang kita mahu," katanya.

Menurut beliau lagi, kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mementingkan rakyat supaya mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi untuk membolehkan mereka bersama-sama membangun dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang termaju di kalangan negara-negara membangun.

-- BERNAMA

SA PR